

19 MAY 2001

Mahathir-Johor

JOHOR MAMPU CAPAI TARAF NEGERI MAJU LEBIH AWAL, KATA DR MAHATHIR

JOHOR BA HARU, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya bahawa dengan sokongan padu rakyat terhadap kerajaan negeri dan Barisan Nasional, Johor mampu mencapai taraf sebagai sebuah negeri yang maju lebih awal daripada sasaran negara pada tahun 2020.

Perdana Menteri berkata kerajaan ingin melihat negeri ini terus maju bukan sahaja daripada segi fizikal malah dapat menjalinkan hubungan yang baik di antara semua kaum di negeri ini.

"Kita hendak Johor menjadi negeri maju lebih awal lagi daripada tahun 2020 iaitu mungkin pada tahun 2005," katanya ketika berucap pada jamuan tengah hari bersama lebih 2,000 orang kakitangan dan pegawai kerajaan, badan bukan kerajaan, swasta, pemimpin masyarakat dan pertubuhan politik di kediaman rasmi Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman di Saujana di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, pembangunan di negeri ini agak pesat jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain memandangkan Johor terletak berdekatan dengan sebuah negara jiran (Singapura) yang maju.

"Sedikit sebanyak Johor telah mencapai kemajuan, namun sekiranya kerajaan yang ada tidak cekap serta tidak mendapat sokongan daripada rakyat, negeri ini mungkin tidak boleh membangun," katanya.

Beliau berkata rakyat di negara ini amat bertuah kerana masih dapat menjalinkan hubungan yang baik di antara semua kaum serta menghormati dan memahami budaya dan bahasa kaum lain.

"Hubungan yang amat baik ini dapat membantu negara mengatasi masalah kegawatan ekonomi yang dihadapi negara beberapa tahun lalu dengan cepat berbanding negara jiran kita," katanya.

Dr Mahathir berkata ketika negara menghadapi masalah kegawatan ekonomi, rusuhan kaum tidak berlaku di Malaysia seperti yang berlaku di negara-negara jiran.

Atas faktor itulah, katanya, kerajaan telah dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya untuk memikirkan cara terbaik memulihkan kembali ekonomi negara.

"Saya yakin sekiranya rakyat dapat terus memupuk hubungan yang baik di antara semua kaum, negara ini akan menjadi lebih stabil dan kita dapat terus mengatasi segala masalah yang dihadapi dengan mudah," katanya.

-- BERNAMA

RAM MNY AKD